



1. Sebut harga adalah dibukakan kepada semua kontraktor yang berdaftar dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan hendaklah mempunyai kelayakan seperti berikut:

- a) Sijil Pendaftaran Perniagaan yang masih sah laku dan berdaftar dengan Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam (Kelas) dan Sijil Pendaftaran Seksyen 16 & 17.
- b) Kontraktor dan pembekal yang menyertai sebut harga bagi kerja-kerja pembangunan dan pendawaian elektrik mestilah mempunyai lesen pendaftaran yang masih sah dari Kementerian Pembangunan dalam Kategori Perkhidmatan [E & P] iaitu P01, P05, E01, E03 dan KPME02.
- c) Kontraktor dan pembekal yang menyertai sebut harga binaan bangunan mestilah mempunyai lesen dalam kerja-kerja bangunan (KPB) iaitu B 01 atau KPB 11 (JKR) dan Lesen Pembina Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.
- d) Kontraktor dan pembekal yang menyertai sebut harga binaan bangunan mestilah mempunyai Lesen dalam kerja-kerja bangunan (KPB) iaitu KA01, KPB02 (JKR) dan B01 dan Lesen Pembina (Builders License) menurut Seksyen 43 Perintah Kawalan Bangunan, 2014 (Building Control Order 2014) yang menghendaki mana-mana syarikat yang menjalankan aktiviti pembinaan hendaklah mendapatkan Lesen Pembina.
- e) Kontraktor dan pembekal yang menyertai sebut harga perkhidmatan dan pemeliharaan mestilah mempunyai Lesen Perkhidmatan [S] iaitu S01, S02 dan S03 Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam.

2. Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang tertutup (*sealed*) tanpa menunjukkan identiti atau logo perkhidmatan/pembekal/pemborong, ditulis dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat yang dinyatakan dalam dokumen sebut harga.

Tajuk Tawaran :
For Supply, Delivery, Installation And Commissioning Of
Fids Display Monitors At Brunei International Airport
For Department Of Civil Aviation
TERMINAL / 2023-2024 / SH-09 (R)

Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga :
13 Mac 2024, Rabu

Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga :
26 Mac 2024, Selasa

Tarikh Tutup Sebut Harga :
27 Mac 2024, Rabu
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

Kepada :
Pengerusi Jawatankuasa Sebut harga
d/a Aras Bawah, Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam

3. Sebut harga hendaklah sampai kepada Pengerusi Jawatankuasa Sebut harga, Aras Bawah, Jabatan Penerbangan Awam tidak lewat pada Rabu, 27 Mac 2024, jam 2.00 Petang. Sebut harga yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4. Iklan Sebut harga bolehlah dilihat melalui laman sesawang <http://www.dca.gov.bn>

5. Bagi Sebut harga yang dibukakan semula *retender*, mana-mana syarikat yang pernah membeli dokumen projek hendaklah membawa bersama resit pembayaran yuran Sebut harga bagi Sebut harga asal semasa waktu-waktu bekerja biasa bagi mendapatkan dokumen *retender* untuk pertimbangan dikecualikan dari pembayaran yuran kali kedua.

6. Kontraktor yang berminat untuk membuat tawaran dikehendaki memperoleh dokumen dari Seksyen Kewangan, Aras Bawah, Jabatan Penerbangan Awam dengan membayar Yuran Tawaran sebanyak BND5.00 *hardcopy* - tidak dikembalikan bagi pembayaran tawaran diterima pada waktu bekerja seperti berikut:

Isnin - Khamis
8.30 Pagi – 12.00 Tengah Hari

Sabtu
8.30 Pagi – 10.00 Pagi

Tutup pada Jumaat, Ahad dan Hari Kelepasan Awam

7. Yuran Sebut harga tidak akan dikembalikan kepada mana juga kontraktor sama ada berjaya atau tidak kecuali kerja-kerja yang ditawarkan dibatalkan.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima Sebut harga - sebut harga yang rendah atau lain-lain Sebut harga.

9. Penerangan-penerangan lanjut bolehlah diperoleh dari Bahagian Perkhidmatan Telekom Penerbangan, Jabatan Penerbangan Awam, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei seperti berikut:

E-mel : hjhamirah@gmail.com
Telefon : +673 8113500

